

30 OCT 1996

PERDANA MENTERI BERPUAS HATI HASIL PERTEMUAN DENGAN CUEPACS

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "cukup berpuas hati" mengenai hasil pertemuannya dengan Cuepacs dan mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengaji tuntutan dan isu yang dibangkitkan oleh kongres itu, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek hari ini.

"Perdana Menteri melaporkan kepada Kabinet hari ini dan beliau cukup gembira mengenai hasil pertemuannya dengan Cuepacs semalam dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Cuepacs di atas sikap terbuka dan kematangannya.

"Berhubung dengan tuntutan yang dikemukakan oleh badan itu, Dr Mahathir telah mengarahkan JPA mengkajinya," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Lim mengulas hasil pertemuan itu yang menampakkan badan mewakili 800,000 kakitangan awam itu mengulangi hasratnya untuk memainkan peranan cergas dalam pembangunan ekononmi negara dan tidak cuma sebagai badan menuntut gaji lebih baik untuk pekerja.

Beliau berkata JPA akan menyerahkan laporan kepada Dr Mahathir selepas membuat kajian menyeluruh terhadap tuntutan Cuepacs termasuk semakan skim pensen, imbuhan tetap perumahan dan sistem gaji matriks.

Semalam, setiausaha agung Cuepacs, N. Siva Subramaniam berkata Kongres itu akan mengemukakan memorandum dalam masa dua minggu meliputi semua tuntutannya.

-- BERNAMA

MAM FAZ